

## SOALAN NO: 41

atau radas yang berfungsi mencuri talian WiFi seperti WiFi booster dan WiFi Cracker adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

Bagi tahun 2012 dan 2013 sahaja, pihak Kementerian melalui MCMC telah menerima dan menyiasat sebanyak 6 aduan mengenai pembekalan atau penjualan kelengkapan, peranti atau radas yang berfungsi mencuri talian WiFi. Daripada jumlah aduan tersebut, sebanyak 3 kes telah didakwa dan dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah kerana didapati bersalah kerana membekal atau menjual kelengkapan, peranti atau radas yang berfungsi mencuri talian WiFi.

Bagi menangani isu kecurian talian WiFi ini, MCMC bekerjasama dengan badan pemerakuan iaitu SIRIM QAS International Sdn Bhd ('SIRIM'), sebuah agensi dibawah MOSTI yang dilantik oleh MCMC, dalam menjalankan aktiviti pemantauan pasaran (*'Market Surveillance'*) secara berkala di seluruh Negara bagi mengesan kewujudan kelengkapan, peranti atau radas yang berfungsi mencuri talian WiFi ini.

Selain menjalankan aktiviti pemantauan pemasaran, MCMC bersama-sama SIRIM turut menganjurkan taklimat-taklimat kesedaran mengenai kelengkapan atau peranti komunikasi kepada orang awam, para pemegang lesen dan agensi-agensi penguatkuasa undang-undang Negara yang lain.